

## **GARIS PANDUAN PENGUKURAN KATEGORI “MASLAHAH ‘AMMAH”**

---

### **1. TUJUAN**

- 1.1 Garis Panduan ini disediakan sebagai panduan serta penelitian kepada pihak-pihak berkepentingan dalam pengurusan Islami bagi mengenal pasti konsep sebenar *maslahah ‘am mah* dan kategorinya berdasarkan perbahasan dalam disiplin Ilmu Usul Fiqh. Oleh itu, garis panduan ini bertujuan bagi merungkai skop *maslahah ‘am mah* dengan lebih terperinci dalam membuat sebarang pertimbangan sebelum pengeluaran sesuatu hukum atau fatwa khususnya.

### **2. PENGENALAN DAN PEMBAHAGIAN**

- 2.1 Menurut al-Imam al-Ghazali, *maslahah* ditakrifkan sebagai perkara yang mendatangkan manfaat serta dapat menghindarkan mudarat.
- 2.2 *Maslahah ‘am mah* ditakrifkan sebagai sebarang bentuk perkara yang menatihahkan kebaikan atau manfaat untuk kepentingan umum. Manakala, kepentingan umum pula meliputi sama ada penduduk di sesebuah negeri, orang yang masih hidup, iklim maupun kerajaan.
- 2.3 Secara umumnya, *maslahah* terbahagi kepada beberapa jenis mengikut kategori-kategori yang berbeza:
  - 2.3.1 Kategori *maslahah* berdasarkan pengambil kiraan oleh Syarak iaitu *maslahah* yang terdapat kesaksian Syarak yang diambil kira, *maslahah* yang terdapat kesaksian Syarak yang tidak diambil kira dan *maslahah* yang tidak ada sebarang kesaksian Syarak sama ada ia diambil kira atau ia tidak diambil kira.
  - 2.3.2 Kategori maslahah berdasarkan tahap kekuatan iaitu *maslahah daruriyyah*, *maslahah hajiyah* dan *maslahah tafsiniyyah*
  - 2.3.3 Kategori maslahah berdasarkan skop umum dan khusus iaitu *maslahah ‘am mah*, *maslahah ghalibah* dan *maslahah khassah*.

- 2.4 Istilah “Maslahah ‘Ammah” terkandung dalam sebuah kaedah fiqhiyyah iaitu:

**إِذَا تَعَارَضَتْ مَصْلَحَةُ خَاصَّةٍ وَمَصْلَحَةُ عَامَّةٍ، فَتُقْدِمَ الْمَصْلَحَةُ الْخَاصَّةُ**

Maksudnya: “Apabila berlaku pertentangan antara maslahah khassah (khusus) dengan maslahah ‘ammah (umum) maka hendaklah diutamakan maslahah khassah (khusus) berkenaan.”

- 2.5 Dalam hal ini, terdapat beberapa keputusan hukum mahupun fatwa yang telah diputuskan sama ada di peringkat negeri mahupun kebangsaan berasaskan prinsip *maslahah*. Sebagai contoh, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-23 yang bersidang pada 20 Februari 1989 telah berpandangan bahawa hukuman mati yang ditetapkan dalam kesalahan takzir adalah harus serta tidak bercanggah dengan Islam yang bertujuan menghalang keburukan atau kerosakan yang akan berlaku.
- 2.6 Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-4 yang bersidang pada 13 hingga 14 April 1982 telah mengeluarkan keputusan harus pendermaan darah bagi orang Islam kepada bukan Islam kerana mengutamakan *maslahah ‘ammah* (umum) berbanding *maslahah khassah* (khusus).

### **3. DALIL / HUJAHAN**

- 3.1 Firman Allah SWT dalam surah al-Anbiya’ ayat 107:

**وَمَا أَرْسَلْنَا إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ**

Maksudnya: “Dan tiadalah engkau (wahai Muhammad) melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam.”

- 3.2 Firman Allah SWT dalam surah Al-An’am ayat 115:

**وَتَمَّتْ كَلِمَتُ رَبِّكَ صِدْقًا وَعَدْلًا**

Maksudnya: “Dan telah sempurnalah Kalimah Tuhanmu (al-Quran, meliputi hukum-hukum dan janji-janji-Nya) dengan benar dan adil;...”

3.3 Firman Allah SWT dalam surah al-Nahl ayat 90:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَإِلَحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ  
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil dan berbuat kebaikan serta memberi bantuan kepada kaum kerabat dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang keji dan mungkar serta kezaliman. Ia mengajar kamu (dengan suruhan dan larangan-Nya ini) supaya kamu mengambil peringatan mematuhi-Nya.”

3.4 Rasulullah SAW bersabda:

لَا ضَرَرَ وَلَا ضِرَارَ

Maksudnya: “Tiada kemudarat (dalam Syariat Islam) dan tidak harus mengenakan kemudarat (tanpa hak).”

(Riwayat Ibnu Majah)

3.5 Kaedah-kaedah fiqhiyyah:

الْمَصْلَحَةُ الْعَامَّةُ كَالضَّرُورَةِ الْخَاصَّةِ

Maksudnya: “Maslahah ‘ammah (hukumnya) sama dengan darurah khassah.”

الضَّرُورَاتُ تُبْيَحُ الْمَحْظُورَاتِ

Maksudnya: “Sesuatu yang membawa darurat mengharuskan perkara-perkara yang diharamkan.”

الْحَاجَةُ الْخَاصَّةُ تُبْيَحُ الْمَحْظُورَ

Maksudnya: “Sesuatu hajat yang khusus mengharuskan perkara yang haram.”

الْحَاجَةُ تُنَزَّلُ مَنْزِلَةَ الضَّرُورَةِ عَامَّةً كَانَتْ أَوْ خَاصَّةً

Maksudnya: “Sesuatu hajat diletakkan di kedudukan darurah sama ada hajat ‘ammah atau khassah.”

#### 4. KRITERIA DAN FUNGSI

- 4.1 *Maslahah ‘ammah* berperanan sebagai pengecualian hukum terhadap sesuatu perkara. Hal ini dibenarkan apabila terdapat kerumitan dalam *maslahah khassah*. *Maslahah khassah* pula diertikan sebagai perkara-perkara yang mendatangkan kebaikan dan faedah kepada individu. Oleh itu, al-Imam ‘Izzuddin ibn ‘Abd al-Salam telah mengungkapkannya dalam satu kaedah:

يَجُوزُ لِلْمَصْلَحَةِ الْعَامَّةِ مَا لَا يَجُوزُ فِي الْمَصْلَحَةِ الْخَاصَّةِ

Maksudnya: “*Harus disebabkan maslahah ‘ammah pada perkara-perkara yang tidak diharuskan disebabkan maslahah khassah.*”

- 4.2 Sebagai contoh, Saidina ‘Umar ibn al-Khattab pernah menyewakan tanah *al-sawad* dengan sewaan yang kekal serta tidak dimaklumi kadarnya. Sedangkan dalam konsep ijarah, tempoh sewaan hendaklah dimaklumi serta tidak sah sewaan secara kekal. Hal ini dibenarkan kerana beliau melihat keperluan *maslahah ‘ammah* lebih utama dalam situasi berkenaan.
- 4.3 Begitu juga dalam penulisan teks al-Quran dan al-Sunnah. Dalam hal ini, dua orang khalifah terkemuka iaitu Saidina Uthman bin ‘Affan dan ‘Umar bin Abdul Aziz telah mengarahkan agar kedua-dua sumber tersebut ditulis pada zaman mereka bagi mengelakkan ia hilang daripada ingatan umat Islam serta percampuran antara kedua-dua sumber berkenaan dengan sumber yang lain.
- 4.4 Dalam situasi yang lain, *maslahah ‘ammah* juga turut berperanan memberi kelonggaran namun perlu berasaskan beberapa kriteria seperti berikut:
- 4.4.1 *Maslahah* tidak bertentangan dengan nas daripada al-Quran dan al-Sunnah.
- 4.4.2 *Maslahah* hendaklah bersifat menyeluruh.
- 4.4.3 *Maslahah* perlulah berada di tahap *daruriyyah* atau *hajiyah* serta bukan pada tahap *tahsiniyyah*. Imam Ibnu Qudamah telah menyatakan:

فَهَذَا الضَّرْبَانِ لَا نَعْلَمُ خَلَافًا فِي أَنَّهُ لَا يَجُوزُ التَّمَسُّكُ بِهِمَا مِنْ غَيْرِ أَصْلٍ،  
فَإِنَّهُ لَوْ جَازَ ذَلِكَ، كَانَ وَضْعًا لِلشَّرْعِ بِالرَّأْيِ، وَلَمَّا احْتَجْنَا إِلَى بِعْثَةِ الرُّسُلِ

Maksudnya: “Dua kategori ini (*hajah* dan *tahsin*), kami tidak mengetahui ada perbezaan pandangan dalam hal ketidakharusan berpegang kepadanya tanpa didasari kepada dalil. Jika ia dibolehkan, ia merupakan satu bentuk rekaan terhadap *Hukum Syarak* dengan menggunakan akal dan dengan demikian kita tidak lagi berhajat kepada pengutusan para Rasul.”

- 4.4.4 *Maslahah* yang hendak dicapai melalui pengaplikasian *maslahah ‘ammah* mestilah *maslahah* yang benar-benar wujud sama ada secara yakin atau secara sangkaan kuat (غلبة الظن). Terdapat beberapa kaedah fiqhiyyah yang menyebutkan hal demikian:

مَا جَازَ لِلضَّرُورَةِ أَوْ لِلْحَاجَةِ قُيِّدَ بِوُجُودِهَا

Maksudnya: “Sesuatu yang diharuskan kerana darurat ataupun hajat hendaklah dihadkan dengan kewujudannya.”

غَلَبَةُ الظَّنِّ مُنْزَلَةُ الْيَقِينِ

Maksudnya: “Sangkaan yang kuat diberikan kedudukan sama seperti yakin.”

لَا عِبْرَةُ لِلتَّوْهِمِ

Maksudnya: “*Wahm* (sangkaan ringan) tidak diiktibar / tidak diambil kira.”

الرُّخْصُ لَا تُنَاطُ بِالشَّكِّ

Maksudnya: “*Rukhsah* tidak dikaitkan dengan keraguan.”

- 4.4.5 Pengecualian hukum disebabkan faktor *maslahah ‘ammah* tidak diaplikasi dalam perkara-perkara yang diharamkan yang disebabkan oleh larangan itu sendiri secara maqasid tetapi diaplikasi dalam perkara yang haram secara wasilah. Hal ini berasaskan kaedah-kaedah fiqhiyyah seperti:

**كُلُّ مَا حُرِّمَ تَحْرِيمُ الْوَسَائِلِ فَإِنَّهُ يُبَاخُ لِلْمَصْلَحةِ الرَّاجِحةِ**

Maksudnya: “Setiap suatu yang diharamkan secara pengharaman wasilah adalah diharuskan dengan sebab maslahah yang kuat.”

**مَا حُرِّمَ سَدًّا لِلذِّرِيْعَةِ أُبْيَحَ لِلْمَصْلَحةِ الرَّاجِحةِ**

Maksudnya: “Sesuatu yang diharamkan kerana tujuan *sadd al-zari‘ah* dibenarkan jika ada maslahah yang kuat.”

- 4.4.6 Pengaplikasian *maslahah ‘ammah* tidak membawa kepada pelanggaran *Maqasid Syariah*. Al-Tayyib Salamah telah menjelaskan keperluan syarat ini dalam *maslahah ‘ammah*:

**وَالْمَرْجُعُ فِي التَّرْخِيصِ وَالتَّخْفِيفِ يَكُونُ دَائِمًا بِالنَّظَرِ إِلَى مَا فِيهِ مَصْلَحةُ الْمُسْلِمِينَ الْمُعْتَبَرَةِ شَرْعًا وَالَّتِي لَا تُخَالِفُ مَقْصِدًا شَرْعِيًّا ثَابِتًا**

Maksudnya: “Rujukan dalam pemberian rukhsah dan kemudahan sentiasa dilihat pada maslahah orang-orang Islam yang diambil kira oleh Syarak dan yang tidak menyalahi objektif Syarak yang telah sabit.”

- 3.4.7 Pengaplikasian *maslahah ‘ammah* hanya dalam perkara-perkara yang bukan ta‘abbudiyyah.

- 4.4.8 Pengaplikasian *maslahah ‘ammah* ini meliputi keseluruhan tanpa mengecualikan golongan atau pihak tertentu sahaja.

- 4.4.9 Pengaplikasian *maslahah ‘ammah* ini tidak menggugurkan maslahah-maslahah yang lebih penting daripadanya. Elemen-elemen berikut hendaklah diambil kira:

- 4.4.9.1 Meletakkan kepentingan *daruriyyah*, *hajiiyyah* dan *tahsiniyyah*  
4.4.9.2 Kepentingan yang menyeluruh (syumul) mesti diutamakan  
4.4.9.3 Hendaklah dipastikan kewujudan *maslahah* tersebut  
4.4.9.4 *Maslahah* yang berkekalan diutamakan dari *maslahah* yang terputus

4.4.10 Pengaplikasian *maslahah ‘ammah* dalam hukum yang bersifat pengecualian hanya dilakukan oleh pemerintah (ulil ‘amri), wakil-wakil pemerintah atau mereka yang mengambil hukum pemerintah atau dengan keizinan mereka. Terdapat kaedah fiqhiyyah yang berkaitan:

**تَصْرُّفُ الْإِمَامِ عَلَى الرَّعِيَّةِ مَنْوَطٌ بِالْمَصْلَحةِ**

Maksudya: “*Tindakan pemerintah terhadap rakyat hendaklah bergantung pada maslahah.*”

4.4.11 Pengaplikasian maslahah ‘ammah dalam penetapan hukum yang bersifat pengecualian hendaklah diputuskan secara ijtihad oleh mereka yang berkelayakan untuk berijtihad.

## 5. PENUTUP

- 5.1 Garis panduan ini diharapkan dapat memberi gambaran secara umum mengenai konsep *maslahah ‘ammah* dan kategorinya sebagai langkah penting dalam membuat sesuatu pertimbangan sebelum mengeluarkan sesuatu hukum atau fatwa. Malah, kebanyakan enakmen fatwa di setiap negeri masih menerapkan unsur *maslahah* iaitu dengan mengambil kira kepentingan awam agar selari dengan keperluan umat Islam dari sudut pegangan dan amalan.

Disediakan:

Jabatan Mufti Negeri Perak

## RUJUKAN

1. Lokmanulhakim bin Hussain. 2015. *Maslahah ‘Ammah Berdasarkan Perspektif Syarak*. Kertas kerja Bengkel Garis Panduan Pengeluaran Fatwa Bil. 2/2015. Anjuran Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Bandar Baru Bangi, Selangor. 1 Disember.
2. Muhammad Firdaus Nur al-Huda. 2004. *Athar al-Zuruf al-Ijtima‘iyah ‘ala al-Fatawa al-Syar‘iyah: Malizya Namuzajan*. Kuala Lumpur: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
3. Bakr bin ‘Abd Allah Abu Zayd. 1988. *Al-Muthamanah fi al-Aqar li al-Maslahah al-‘Ammah*. Majallah Majma‘ al-Fiqh al-Islamiyy. Bil. 4.
4. Muhammad Sa‘id Ramadhan al-Butiyy. 2005. *Dhawabit al-Maslahah fi al-Syari‘ah al-Islamiyyah*. Damsyiq: Dar al-Fikr.
5. Muhammad bin Muhammad bin Muhammad al-Ghazaliyy. t.t. *Al-Mustasfa Min ‘Ilm al-Usul*. Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabiyy.
6. \_\_\_\_\_\_. 2015. *Kompilasi Pandangan Hukum Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.